

391 graduan UPM terima PhD

Serdang: Seramai 6,116 graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menerima skrol ijazah doktor falsafah (PhD), sarjana, sarjana muda serta diploma masing-masing sempena Majlis Konvokesyen ke-38 UPM yang berlangsung di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mulai Sabtu ini hingga 4 November.

Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berkata, istiadat konvokesyen itu bakal disempurnakan Tuanku Canselor Sultan Sharafuddin Idris Shah.

“Baginda dijadual menyampaikan ijazah PhD, sarjana, sarjana muda dan diploma kepada graduan sesi pertama dan sesi ketiga.

“Pada konvokesyen kali ini, seramai 391 pelajar akan menerima PhD, sarjana (2,123), sarjana muda (3,380) dan diploma (222) membabitkan lapangan sesi,” katanya, semalam.

Majlis pengurniaan ijazah selama empat hari itu akan turut disempurnakan Pro-Canselor, Tan Sri Dr Nayan Ariffin, Tan Sri Lim Ah Lek dan Tan Sri Rozali Ismail.

Pada majlis itu, Tuanku Canselor juga akan mengurniakan anugerah Pingat Emas Canselor, Pingat Emas Prof Emeritus Tan Sri Dr

Rashadan Baba, Pingat Putra Agribio, Pingat Emas Pelajaran Diraja kategori Bumiputera dan bukan Bumiputera, Pingat Emas Alumni serta Pingat Emas Yayasan Pak

Rashid dan Syed Kechik.

UPM turut memperkenalkan dua anugerah universiti baru iaitu Pingat Emas Doktor Falsafah dan Pingat Emas Sarjana dengan Tesis.

UPM akan menganugerahkan ijazah kehormat Doktor Pengurusan Perladangan kepada Ahli Lembaga Pengarah Sime Darby Plantations Sdn Bhd, Datuk Seri Abd Wahad Maskan, ijazah kehormat Sarjana Persuratan kepada Datuk Aripin Said dan ijazah kehormat Sarjana Sains kepada Megawati Suzari.

Beberapa atlet negara turut menerima ijazah termasuk Mohd Razie Abd Rahim (hoki lelaki), Norbaini Hashim dan Rabiatul Adawiyah Mohamed (hoki wanita), Sharon Koh Suet Len (bowling), Chai Fong Ying dan Chai Fong Wei (wushu), Cheng Chu Sian (memanah) dan L Kunasilan (karate).

FAKTA

UPM turut perkenalkan Pingat Emas Doktor Falsafah dan Pingat Emas Sarjana dengan Tesis